

FEDERATION OF MALAYA SCHOOL FOR THE DEAF




PENDAHULUAN

Orang2 pekak itu ada-lah dalam serba kekurangan; akal fikiran dan pergaulan mereka tidak sempurna dan rasahati mereka pun tidak puas. Tetapi dengan kasehan belas dan asohan yang baik perkara ini dapat di-atasi. Sekolah Orang2 Pekak di-Pulau Pinang yang di-buka dalam bulan April, 1954 telah membuat jasa utama yang chemerlang dalam lapangan pelajaran bagi orang2 pekak di-negeri ini. Saya sudah pun mengikut dengan suka hati kemajuan yang telah mereka chapai dengan melalui beberapa kesulitan. Saya memberi kepujian yang sattinggi2-nya kepada guru2 atas kesedaran mereka dan juga atas chara2 mengajar yang sesuai yang di-beri kepada budak2 ini di-dalam pelajaran mereka yang sukar supaya mereka ada harapan hidup di-dunia ini. Buku bergambar ini mencheritakan pekerjaan yang di-jalankan di-sekolah ini dan saya bentangkan-nya untuk tatapan sakalian orang yang gemar mengetahui hal orang2 pekak.

Sa-saorang budak yang pekak dari semenjak di-lahirkan, datang ka-sekolah ini dengan tidak boleh bertutor dan buta huruf tetapi mempunyai anggota suara dan alat bertutor yang lengkap. Jikalau budak ini tidak mendapat ajaran yang sesuai ia akan menjadi hampir2 bisu. Ia menjadi beban kapada ibu bapa-nya dan juga kerugian bagi masharakat. Dengan ajaran yang tertentu di-tempat yang baik dan dengan menggunakan chara2 mengajar yang sudah di-chuba dan di-uji, ia boleh belajar berchakap dengan elok seperti budak2 yang lain juga. Melalui chara pengajaran yang di-gunakan budak2 ini dapat-lah mempelajari asas2 pelajaran yang boleh menolong mereka hidup dengan gembira dan berguna kapada orang ramai di-tempat mereka tinggal. Mereka tidak lagi akan berasa segan dan tidak-lah lagi hidup terkurong dan terasing. Dengan terchapai-nya maksud ini maka segala tenaga yang di-churahkan itu tidak-lah sia2.

Sekolah Orang2 Pekak di-Persekutuan patut-lah menerima bantuan orang ramai. Saya uchapkan muga2 Sekolah ini serta dengan guru2-nya dan penolong2 sakalian akan berjaya di-dalam pekerjaan mereka.



(MD. KHIR JOHARI)

Pengurus,

Sekolah Orang2 Pekak Di-Persekutuan,

Menteri Pelajaran,


Persekutuan Tanah Melayu.

FOREWORD

The deaf are mentally, socially and emotionally handcuffed. But with sympathy, understanding and, above all, skilled guidance, this need not be so. The Federation School for the Deaf at Penang, which was opened in April, 1954 has done magnificent pioneering work in the education of deaf children in this country. I have watched its progress, often under difficult conditions, with great interest and a sense of keen appreciation of the patience and enlightened teaching methods afforded these unfortunate children in the long and arduous journey towards the acquisition of confidence in the world of sound. This pamphlet gives a pictorial account of the work of the School and I commend it to all interested in the welfare of the deaf.

The congenitally deaf child arrives at the School with no speech and no knowledge of words, but with normal vocal organs and his speech mechanism intact. Left without proper education, the deaf child would be a mute with a voice capable only of expressing inarticulate grunts; he would be a liability to his parents and a burden to society. With specialised training, by the application of tried and tested methods and a favourable oral environment, he can be taught as effectively as normal children. Through a system of teaching adapted to deaf children's needs and subsequent vocational training, they can acquire basic academic knowledge and thus prepare themselves to be happy and useful members of the community in which they live instead of being timid recluses imprisoned in dreary, little worlds of their own. The attainment of this objective is well worth the effort.

The Federation School for the Deaf therefore deserves a full measure of support and assistance from the public and I would like to wish the School—its staff and all its helpers—every success in their endeavours.



(MD. KHIR JOHARI)

Chairman,

Federation School for the Deaf,

Minister of Education,

Federation of Malaya.

Bilangan kanak2

Sekolah ini di-buka dalam tahun 1954 dengan mempunyai 7 orang murid2 dan sekarang bilangan murid2 telah meningkat ka-angka 120 orang terdiri dari segala bangsa dari semua negeri di-Persekutuan ini. Budak2 Melayu, China, Hindu, Selon dan Nasrani dudok dan belajar bersama2 di-Sekolah Budak2 Pekak di-Pulau Pinang. Kebanyakan murid2 ini diam di-sekolah kerana mereka datang dari bandar2 dan kampong2 yang jauh. Perhubongan antara guru2 dengan ibu bapa kanak2 ini sangatlah mustahak. Dengan sebab ini guru2 selalu menemani murid2 ini tiap2 penggal dalam perjalanan mereka balek ka-rumah dan datang ka-sekolah. Pintu sekolah ini sentiasa sahaja terbuka kapada sakalian ibu bapa, sahabat handai dan pelawat2 yang suka mengetahui hal sekolah ini. Chara demikian merapatkan lagi perhubongan antara sekolah ini dengan orang2 sakalian.

Pekak

Orang2 pekak sangat-lah menyedehkan sebab mereka tidak boleh mendengar dan tidak dapat bertutor dan mengetahui apa2 bahasa. Kanak2 belajar berchakap bahasa sendiri dengan melalui ibu bapa mereka. Kerana kanak2 di-sini di-lahirkan pekak atau telah chachat pada alat pendengaran mereka dari kecil-nya lagi maka mereka ini tidak dapat berchakap dengan sempurna saperti kanak2 yang lain.



*Editing the class magazine.
Mengatori untuk Majalah darjah.*

Sekolah orang2 pekak de-persekutuan

Lady Templer telah menuahkan sekolah orang2 pekak yang pertama di-Persekutuan Tanah Melayu dengan pertolongan Malayan Committee. Tujuan sekolah ini "untuk menolong semua budak2 pekak yang diam di-negeri ini dari segala bangsa tidak kira miskin atau kaya. Yang akan di-terima masuk ka-sekolah ini ia-lah budak2 yang akan mendapat faedah daripada pelajaran di-sekolah ini." Tuan R. P. Bingham, CMG ia-lah pengurus yang pertama bagi badan Sekolah Orang2 Pekak di-Persekutuan. Beliau bersama2 dengan Dr. C. Elaine Field telah bekerja bersunggoh2 untuk menjayakan-nya.

Sekolah ini sekarang maseh di-kelolakan oleh satu badan yang terdiri dari orang2 tempatan dan yang berhoramat. Inche Mohd. Khir Johari menjadi pengurusinya.



*Ballet with the Induction Loop.
Ballet dengan lembut yang tersendiri.*



Lady Templer greets the children.
Puan Templer bertemu dengan kanak-kanak.

The Federation School for the deaf

Supported by an active Malayan Committee, Lady Templer founded the first School for deaf children in the Federation of Malaya. Its aim was "to help all deaf children resident here, irrespective of community or financial standing. The only qualification for admission being their need and their ability to profit by the teaching of the School." Mr. R. P. Bingham, CMG. was the first Chairman of the Committee of the Federation School for the Deaf and together with Dr. C. Elaine Field played a prominent part in its establishment. The School is still managed by a Committee of local persons now under the Chairmanship of the Hon'ble Inche Mohd. Khir Johari.

Malay, Chinese, Indian,
Ceylonese and Eurasian children
learning together.

Kanak-kanak Melayu, China,
India, Ceylon dan Nasrani
berjaya belajar.

Enrolment

Opening with seven pupils in 1954, the School has increased to its present enrolment of one hundred and twenty children who represent all races and every State in Malaya. There are Malays, Chinese, Indians, Ceylonese and Eurasians learning to live and study together here in Penang. Most of the pupils are residential, travelling long distances from remote towns and rural areas. It is essential to maintain close contact with families and to facilitate this, Staff accompany the pupils on their journey to and from home for each terminal holiday. Parents, friends and interested visitors are always most cordially welcome to the School. This provides an important psychological link between School and home.

Deafness

The tragedy of deafness is that it entails a three-fold handicap, for the child without hearing automatically lacks speech and language. It is only because children are born deaf, or develop a hearing impairment in the early months, that they cannot talk naturally. All speech is imitative... we use our "mother's tongue" because her speech we heard from babyhood... !



Right: "Now let's see how this works".
Kanan: "Sekarang mari kita libat bagai mana ini berkerja".


Below: Deaf children, too, enjoy music.
Bawa: Kanak2 pekak pun suka bunyizan.



Latehan mendengar

Tiap2 sa-orang daripada jumlah 120 orang murid2 di-sekolah ini ada-lah lengkap dengan alat pendengaran masing2. Murid2 kecil dari dua darjah menggunakan alat "transistor" dan "induction loop" manakala murid2 dari tujuh darjah yang lain pula beramai2 mendapat pertolongan dari alat pendengaran yang telah di-sediakan.


Tiap2 jenis alat pendengaran ini memberi suara yang tinggi dan nyaring dan melatehan murid2 mendengar. Ini ada persangkutannya dengan semua mata pelajaran murid2. Chara ini menyukakan hati murid2 dan juga menyegarkan otak. Patut-lah diterangkan di sini bahawa sa-saorang murid yang pekak tidak-lah dapat mendengar seperti orang biasa dengan pertolongan alat pendengaran ini tetapi dapat menganggap suara dan irama yang boleh meninggikan lagi mutu bacaan mereka yang mengikut bentuk mulut. Ini memberi faedah dalam pelajaran mereka.



Wang pungutan

Sekolah Orang2 Pekak Persekutuan telah di-dirikan sa-bagai sekolah saudagar yang mempunyai asrama-nya sendiri. Sa-lama lima tahun dari 1954-1959 sekolah ini berdiri atas bantuan orang ramai. Kementerian Pelajaran sekarang ini ada memberi bantuan wang ringgit tetapi tidak menchukopi sebab ini pungutan derma dari orang ramai sangatlah di-kehendaki.

Pelajaran untuk orang2 pekak memakan belanja yang banyak kerana tiap2 sa-orang murid2 ini berkehendakan layanan yang bersendirian dan sa-lebeh2-nya chuma 10 orang murid2 sahaja yang elok di-buboh di-dalam satu darjah. Guru2 yang mengajar mereka itu juga mesti-lah guru2 yang terlateh khas. Enam orang guru dari Persekutuan telah pun mendapat latehan khas mengajar orang2 pekak di-Manchester University di-England. Latehan khas dan juga perbelanjaan membeli perkakas2 mengajar sa-chara baharu ini telah dapat di-laksanakan dengan pertolongan orang2 dari Persekutuan dan juga orang2 dari luar negeri sa-jauh Australia dan Switzerland.



Left: In a Chinese Temple.
Kiri: Di-dalam Tokong China.

Below: The Prime Minister tries it out.
Bawah: Perdana Menteri menchubakan-nya.



Funds

The Federation School for the Deaf was established as a private residential School and for five years, from 1954-1959, was entirely dependent on voluntary support. The Ministry of Education now gives some financial help, but intensive appeal campaigns to provide for most of the recurrent expenditure of the School are still essential.

The education of deaf children is always costly for each child needs so much individual attention that ten pupils is the maximum number desirable in each class and the teachers also must have special training. Six Malayan teachers have had one year's Course in the education of the Deaf at Manchester University in the U.K. This specialist training and the purchase of modern teaching equipment has only been achieved by the generosity of friends in Malaya and in countries overseas, as far apart as Australia and Switzerland.

Auditory training

Each of the one hundred and twenty pupils in the Federation School for the Deaf is equipped with a Philips hearing aid. Two classes of small children use the universal transistor aid in combination with the induction loop system and eight other classes have group hearing aids installed.

Each type of hearing aid gives high fidelity amplification and auditory training is correlated with every aspect of the pupils' curriculum. This is both pleasurable and mentally stimulating to the children. It must be emphasised that no hearing aid makes a severely deaf child hear normally although it does give some conception of sound and rhythm which complements speech reading and is both educationally and psychologically most beneficial.



*Cooking is such fun.
Memasak pun ada gembira-nya.*



*At prayer
Masa sembabayang.*



*"This is where we live—Penang".
"Di-sini mana kita tinggal—Pulau Pinang".*

Bidang pelajaran

Di-sekolah ini ada pelaran Bahasa Kebangsaan dan mengikut bidang pelajaran seperti sekolah2 lain sa-kadar yang boleh. Masa belajar ia-lah dari pukul 8.30 pagi hingga pukul 4.30 petang tiap2 hari, tetapi mengajar budak2 pekak mengambil masa sa-hari suntok. Kejayaan yang tinggi dalam pelajaran chuma dapat di-chapai sa-kira-nya budak itu di-beri pelajaran dan bachaan mengikut bentok mulut dari kechil-nya lagi yang di-mulakan di-rumah.

Sa-belah petang dan hari minggu di-khaskan untuk bermain, pergi melawat tempat2 dan berchampor gaul dan ini meluas dan menyegarkan lagi peribadi budak2 pekak ini.

Mempelajari bahasa

Masaalah bahasa-lah yang besar sa-kali di-dalam mengajar budak2 pekak. Guru2 hendak-lah selalu bersabar, sayang dan bekerja dengan giat-nya. Budak2 ini berkehendak kapada pelajaran di-dalam dan di-luar darjah. Ini memakan masa yang panjang dan guru2 terpaksa-lah bekerja bersunggoh2, kerana ini-lah sahaja jalan yang dapat memuaskan murid2 mempelajari perkataan dan dapat bertutor dengan agak lanchar dan menulis dengan baik.

Ugama

Dengan sa-berapa yang dapat murid2 di-beri peluang mengikut dan mengambil bahagian dalam kebudayaan dan ugama masing2. Pelajaran ugama masing2 akan di-atorkan kelak tetapi ugama ini menggunakan bahasa abstract dan budak2 ini susah hendak memaham-nya.

Curriculum

The School uses the National Language and follows the same curriculum as hearing Schools as far as practicable. Classes are officially from 8.30 a.m. to 4.30 p.m. daily, but in fact teaching deaf children is a round-the-clock process. Effective results are only obtained if education is started when the child is young and speech reading is initiated in the home and continued throughout.

The evenings and weekends are devoted to organized games, hobbies, educational outings and social functions which will broaden the pupils' horizons and develop well-integrated, lively personalities.

Acquisition of language

Language is the basic problem in teaching deaf pupils and demands unremitting patience, love and industry on the part of the teachers as these pupils require a continuity of education both in and out of school hours. Though time consuming and enervating this is the only way to appease the deaf child's hunger for words and enable him to express himself with reasonable fluency in speech and writing.

Religion

The School is secular but every effort is made for the pupils to participate in their own cultural festivals and religious practices. Arrangements will later be made for instruction in the religion of their parents, but understanding of abstract terms is a prerequisite to religious instruction for deaf children.

*A classroom in the padi fields.
Bilek darjab dalam sawah-padi.*




*Integration: deaf and hearing Brownies in the same Pack.
Berchampor: pekak dan dengar di-dalam company yang sama.*



*Speech-reading the play way.
Perchakapan-membacanya melalui permainan.*





"Hurray, I heard that" An Audiometric Test.
"Hurray, Saya dapat mendengar.
Peperiksaan Audiometric".

Masa hadapan

Sekarang ini ada 120 orang murid2 di Sekolah Orang2 Pekak di-Persekutuan tetapi beribu2 lagi budak pekak yang menunggu giliran masok ka-sekolah ini. Keadaan masa hadapan bagi budak2 ini sangat-lah gelap kerana tidak mempunyai peluang untuk belajar. Kedudukan mereka sangat-lah mengharukan kerana pekak itu tidak seperti kechachatan yang lain, tidak banyak orang yang mengetahui dan sedar akan akibah yang buruk yang di-tanggong oleh orang2 ini. Langkah menubahkan sekolah hendaklah segera di-jalankan. Ibu bapa hendak-lah di-tunjok chara menjaga budak2 ini. Patutlah dengan segera di-ikhtiarkan memberi layanan yang elok dan sesuai kepada orang2 pekak yang dewasa.

Uchapan terima kaseh

Kami mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Philips Industries Holland atas pemberian 3,000 naskhah buku2 dan kepada Yang Berhormat Mohd. Khir Johari kerana Pendahuluan, kapada Isteri Shantha Sundram yang memberi kulit gambar kapada Pejabat Penerangan Amerika di-Pulau Pinang, Akhbar Straits Times kerana menyediakan gambar2, dan kapada Inche Yusof Mydin kerana terjemahan-nya kabahasa Melayu.

Joyce M. Hickes,
Guru Besar.

Masok ka-sekolah

Perbelanjaan bagi tiap2 murid dalam sekolah ini ada-lah lebih kurang M\$100 sa-bulan. Ini termasuk-lah wang pelajaran, perbelanjaan asrama dan makanan pakaian wang saku dan perubatan. Budak2 yang hendak masok ka-sekolah ini mestilah sa-derhana bijak-nya dan berumor kurang dari tujuh tahun.

Makan

Makanan yang baik untuk semua bangsa di-beri dengan harga M\$8/- sa-bulan.

Bayaran

Tiap2 sa-orang murid di-kehendaki membayar M\$50 sa-bulan tetapi bayaran yang murah akan di-kenakan kapada murid2 yang tidak mampu. Pertolongan ada-lah di-beri oleh Jabatan Kebajikan Negeri, Rotary Clubs, Saudagar2, Pasokkan Keselamatan dan juga orang2 ramai. Sekolah ini terhutang budi kapada mereka sakalian dan juga kapada kerajaan kerana selalu memberi bantuan, lebeh2 lagi Kapada Kementerian Pelajaran dan Perubatan dan Kebajikan sekolah ini atas pertolongan dan belas kasehan yang di-churahkan kapada kanak2 pekak ini.

Off to the Dental Clinic.
Pergi-ka Dental Clinic.



Admission

The cost of maintaining each pupil in the School is approximately \$100 per month. This includes tuition, full board, clothing, pocket money and routine medical and dental treatment. Pupils must be of average intelligence and under seven years of age to be considered for admission to the School.


Diet

A nutritious and well balanced diet suitable to all communities is provided at an average cost of only \$8 per month.

Fees

Each pupil is charged M\$50 per month but where this would cause financial hardship, generous concessions are made. State Welfare Committees, Rotary Clubs, Business Houses, Military and Police Forces as well as private individuals "sponsor" needy children. The School is deeply grateful to these Sponsors and acknowledges with real appreciation all the help which has been given continuously by both members of the Public and Government personnel and in particular by the Ministry of Health and Social Welfare and the Ministry of Education.

*"Say goodnight to Pussy".
"Selamat malam pada pussy".*



*Speech-Training.
Belajar-berchakap.*

Future needs

One hundred and twenty pupils are receiving education in the Federation School for the Deaf, but hundreds of other deaf children await admission to special Schools and the future for them is indeed grim and bleak as there are no other facilities for education in Malaya. Their plight is desperate for deafness, although it is the least understood of all handicaps and elicits least sympathy from the average person, has the most tragic and disastrous effects on the mind.

Immediate efforts must be made to provide more Schools for deaf children, guidance for their parents and rehabilitation services for the adult deaf.

Acknowledgments

I offer sincere thanks to Philips Industries Holland for 3,000 copies of this pamphlet, to the Hon'ble Inche Md. Khir Johari for the Foreword, to Mrs. Shantha Sundram for the cover picture, to the United States Information Service, Penang and the Straits Times Press (Malaya) Ltd. for the photographs and to Inche Yusof Mydin for the Malay translation.

Joyce M. Hickes,
Principal.




PHILIPS

new

3-TRANSISTOR HEARING GLASSES

- STEREO PHONIC HEARING
- NO DANGLING CORD
- NO VISIBLE CONTROL
- SLENDER, MODERN FASHIONABLE FRAMES
- SUITABLE LADIES AND GENTLEMEN
- BUILT-IN TELEPHONE LISTENING COIL
- EXTRA LOW BATTERY DRAIN
- BATTERY RECHARGING SERVICE



A masterpiece of design and technical achievement.
Philips new hearing glasses make it possible for the hard of hearing to
hear normally without feeling conspicuous.

PHILIPS SINGAPORE LIMITED

N.T.S. Building, D'Almeida Street, Singapore.

PHILIPS MALAYA LIMITED

8 Mountbatten Road, Kuala Lumpur.

